

'Kaji isu TMJ letak jawatan'

» *Mungkin ada kesahihan di sebalik kenyataan terbabit: Khairy*

BERITA HARIAN (M/S...)

Oleh Abdul Rahemang Taiming
bhsukan@bh.com.my

Tawau

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar meminta Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mengkaji lebih mendalam isu peletakan jawatan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim (**gambar**) sebagai penasihat badan induk itu, minggu lalu.

Bagi Khairy, FAM perlu meneliti punca sebenar Tunku Ismail meletak jawatan, khususnya berkaitan dakwaan tiada ketelusan oleh FAM membabitkan beberapa isu seperti dibangkitkan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) itu.

23 FEBRUARI 2015

"Itu keputusan peribadi Tunku Ismail, walaupun kita harap perkara ini dapat dielakkan sebab saya percaya beliau ada idea yang baik dan sebab itu Presiden FAM,

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah melantik beliau sebagai penasihat.

"(Sebab itu) Kita harus kaji kenapa beliau letak jawatan dan saya tidak pasti ada kebenaran atau tidak pada apa yang disebut oleh TMJ (tiada ketelusan dalam FAM).

"Elok juga FAM mengkaji apa yang disebut TMJ sebagai sebab beliau meletak jawatan,

mungkin ada kesahihan di sebalik kenyataan terbabit dan saya rasa wajar untuk FAM mengkaji apa yang disebutkan oleh beliau," katanya selepas merasmikan Pusat Sate-

lit Institut Sukan Negara (ISN) di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau di sini, semalam.

Tunda perlawanan

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan dan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, beliau percaya ada

nilai tambah yang boleh diberi dan disumbangkan oleh Tunku Ismail kepada FAM, namun menghormati pendirian beliau untuk tidak terbabit dalam badan induk berkenaan.

Minggu lalu, dalam kenyataan menerusi laman rasmi Johor Southern Tigers, Tunku Ismail mengumumkan melepaskan jawatan sebagai Penasihat FAM.

Tindakan itu dipercayai berpunca langkah FAM menunda perlawanan membabitkan saingan Piala FA tatkala JDT yang memohon untuk perlawanan Liga Super menentang Selangor kelmarin diawalkan pada Jumaat, ditolak badan induk itu.

Sebaliknya permohonan Pahang untuk menunda aksi Piala FA kepada 2 Mac diterima ketika PBNJ tidak memberi kata putus sama ada bersetuju atau tidak pada tarikh berkenaan.



Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) masih mengharapkan sentuhan pelari 400 meter lari berpagar negara Nora-seela Khalid menjelang temasya dwi tahunan Sukan SEA yang akan berlangsung di Singapura Jun ini.

Presiden KOM Datuk Karim Ibrahim (gambar kecil) tidak menolak untuk menyenaraikan atlet senior negara itu namun dengan syarat pelari berusia 36 tahun itu perlu melepasi syarat kelayakan ditetapkan Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Katanya, berdasarkan rekod kemampuan atlet itu tidak perlu dinafikan kerana mampu menghadiahkan pingat buat negara namun Karim menegaskan KOM terpaksa mengikut syarat dan terma ditetapkan.

"Kami tiada masalah menghantar atlet senior contohnya seperti Seela kerana dia sebelum ini membuktikan keupayaannya

ISKANDAR antara 10 atlet layak beraksi di Singapura.



HARIAN METRO (M/S.63)

23 FEBRUARI 2015

Lepas syarat dulu...

memberikan pingat kepada negara.

"Tapi KOM tidak menolak seandainya dia tidak melepasi syarat kelayakan, lebih wajar peluang itu diberikan kepada atlet junior seperti disarankan Menteri Belia dan Sukan Khairy Ja-

■ Karim sedia senarai Noraseela ke Singapura

maluddin Abu Bakar yang mahu menjadikan Sukan SEA sebagai platform pendedahan kepada atlet rema-

ja," katanya.

Mahu bertindak lebih tegas dalam pemilihan atlet ke Sukan SEA kali ini, Karim me-

negaskan peluang akan lebih diberikan kepada atlet remaja berbanding senior yang sebelum ini tidak memberi impak atau pingat di Sukan SEA.

Jelasnya, kriteria pemilihan atlet kali ini akan dinilai dari semua aspek dan tidak menolak menyenaraikan 12



NORASEELA

atlet remaja yang memberikan pingat di Sukan Sekolah Asia tahun lalu.

Karim berkata, beliau yakin lebih ramai atlet mampu melepasi syarat kelayakan apabila tamatnya Kejohanan Terbuka Malaysia dari 26 hingga 28 Mac biarpun hanya 10 atlet layak secara merit setakat ini.

Sepuluh atlet yang layak membabitkan Nauraj Singh (lompat tinggi), Iskandar Alwi (lompat bergalah), Muhammad Irfan Shamsuddin (lempar cakera), Muhammad Ashraf Saipulrahman (lompat tinggi), Mohamad Arif Zuhilmi Alet (400m), Yap Jeng Tzen (lempar cakera), Grace Wong (lempar tukul besi), Zaidatul Husniah Zulkifli (100m,200m), Casier Renne Kelly Lee (lempar tukul besi) dan Noor Amira Mohamad Nafiah (lompat jauh).

FAM harus kaji peletakan jawatan Tunku Ismail

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB dan ALFIE CHESTER
sukan@kosmo.com.my

KOSMO (M/S 60)

23 FEBRUARI 2015

"HORMATI keputusan Tunku Ismail."
Itu penjelasan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang mahukan semua pihak menghormati tindakan Tunku Ismail Sultan Ibrahim meletak jawatan sebagai Penasihat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) baru-baru ini.



TUNKU ISMAIL

Beliau berkata, peletakan jawatan tersebut merupakan satu kerugian buat FAM kerana Tunku Ismail mempunyai idea yang baik dan mampu memainkan peranan dalam membangunkan bola sepak negara.

Khairy memberitahu, kepakaran yang ada pada Tunku Ismail itu juga menjadi penyebab mengapa Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah melantik baginda sebagai penasihat badan induk bola sepak negara itu.

"Pelantikan sebagai Penasihat mungkin kerana Tengku Abdullah merasakan Tunku Ismail mempunyai nilai tambah untuk kebaikan FAM.

"Saya tiada apa-apa komen. Keputusan Tunku Ismail telah dibuat dan semua pihak harus menghormatinya," kata Khairy pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran



KHAIRY (tengah) ketika melancarkan Pusat Satelit ISN di Tawau, Sabah semalam.

Pusat Satelit Institut Sukan Negara (ISN) Tawau, Sabah di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau semalam.

Begitupun, Khairy meminta pihak FAM mengkaji punca peletakan jawatan tersebut berdasarkan ulasan diberikan oleh Tunku Ismail sebelum ini.

Katanya, beliau secara peribadi tidak pasti sama ada perkara yang dinyatakan Tunku Ismail itu benar atau tidak, namun kajian mengenai perkara itu harus juga dilakukan.

"Saya baca (mengenai ulasan peletakan jawatan Tunku Ismail) itu berkaitan tiada ketelusan dalam penentuan perlawanan dan sebagainya.

"Saya tak pasti sama ada ia betul atau tidak tetapi FAM perlu menilainya.

"Mungkin ada kesahihan di sebalik kenyataan itu dan wajar untuk FAM mengkajinya," kata Khairy.

Sebelum ini, Tunku Ismail yang juga Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) melepaskan jawatan selaku Penasihat FAM dengan sertamerta selepas memegangnya pada Oktober tahun lalu.

Baginda menjelaskan, keputusan tersebut terpaksa dilakukan kerana tidak mahu menjadi sebahagian daripada organisasi yang tidak adil dan tidak profesional.



KHAIRY Jamaluddin (tengah) menurunkan tanda tangan pada plak sebagai tanda melancarkan Pusat Satelit ISN Tawau sambil diiringi oleh Tawfiq Abu Bakar Titingan (kanan) di Tawau semalam. - UTUSAN/ ALFEY CHESTER

KBS cadang tambah Pusat Satelit ISN di Sabah

TAWAU - Kementerian Belia dan Sukan sedang mempertimbangkan kemungkinan untuk membina sebuah lagi Pusat Satelit Institut Sukan Negara (ISN) di negeri ini.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, perancangan untuk menubuhkan sebuah lagi pusat tersebut di Sabah dengan mengambil kira struktur geografi dan keluasan negeri ini yang cukup luas.

Menurutnya, setakat ini, terdapat tiga Pusat Satelit ISN ditubuhkan di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan terbaharu di Tawau.

"Saya sedia maklum dengan permintaan Menteri Belia dan Sukan negeri, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan yang mahu sebuah lagi Pusat Satelit ISN dibina di negeri ini dan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai tiga pusat satelit.

"Ini bertepatan kerana Sabah sebuah negeri yang besar. Oleh itu kementerian mungkin perlu mele? takkan pusat satelit tambahan di negeri ini dan Sarawak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pusat Satelit ISN Tawau di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau di sini semalam.

Dalam pada itu, Khairy memberitahu, setakat ini sebanyak 16 Pusat Satelit ISN ditubuhkan di seluruh negara yang dilihat penting dalam penerapan ilmu sains, perubahan dan teknologi kepada masyarakat.

Kata beliau, setiap pusat satelit ISN akan dilengkapi kemudahan terkini, termasuk dikawal selia oleh pegawai-pegawai sukan yang dapat membantu meningkatkan pembangunan dan latihan para atlet.

"Pusat ini digunakan untuk para

atlet berlatih selain diberi nasihat mengenai sains sukan yang terbaik untuk membantu proses latihan mereka.

"Selain itu, perkhidmatan yang turut disediakan di pusat satelit ini ialah ceramah dan kelas pemakanan, pendidikan sukan, ujian kecergasan, sesi suai fizikal serta ceramah motivasi dan kaunseling," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kemudahan kolam renang di Kompleks Sukan Tawau, Khairy berkata, kementeriannya akan mempercepatkan pembinaan sebuah kolam renang yang dilengkapi kemudahan terkini bagi kegunaan atlet mahupun rakyat daerah ini seawal-lewatnya tahun ini.

"Mengenai kos pembinaan itu, saya serahkan kepada Menteri Belia dan Sukan Sabah untuk memaklulkannya kelak," katanya.



Kerajaan sentiasa memberi peluang dan ruang yang luas kepada belia untuk mengiktiraf bakat mereka yang boleh mambantu mencorak masa depan negara disamping memperkasa mereka dengan pengisian dalam aspek pembangunan belia. Kerajaan meletakkan hala tuju kerana falsafah kita kini ialah dari belia untuk belia dan kerajaan bertindak sebagai pemudah cara, memperkasa mereka melalui pelbagai pengisian dan pembangunan serta banyak lagi program yang akan kita laksanakan. Kita mahu pelaksanaan sebarang program seperti kepimpinan, sukarelawan dan keusahawanan, para belia perlu menerajuinya sendiri kerana mereka tahu apa yang relevan untuk mereka dan faham hasrat yang diperlukan untuk golongan muda."

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR
Menteri Belia dan Sukan

UTUSAN MALAYSIA (M/S...)

23 FEBRUARI 2015



Hormati keputusan Tunku Ismail - Khairy

TAWAU - Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin menyifatkan tindakan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang meletak jawatan sebagai Penasihat Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sebagai keputusan peribadi.

Malah, menurutnya, beliau menerima dan menghormati keputusan Tunku Ismail itu.

"Itu keputusan peribadi beliau (Tunku Ismail) untuk melepaskan jawatan. Saya rasa Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah ketika melantik Tunku Ismail berasakan beliau mempunyai nilai tambah untuk diberikan kepada badan induk bola sepak negara itu,"

UTUSAN MALAYSIA 11/11/27 23 FEBRUARI 2015
katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Pusat Satelit ISN Tawau di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau di sini semalam.

Sebelum ini, Tunku Ismail yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) melepaskan jawatan Penasihat FAM, tidak sampai setahun selepas dilantik pada Oktober tahun lalu.

Pengumuman yang dilakukan menerusi laman sosial akaun Facebook *JOHOR Southern Tigers* itu dibuat dengan alasan tidak mahu menjadi sebahagian daripada organisasi yang tidak adil dan tidak profesional.

Bagaimanapun, tegas Khairy, be-

liau mahu badan induk bola sepak negara itu mengkaji sendiri kenyataan yang dikeluarkan Tunku Ismail mengenai isu berkenaan.

Beliau juga tidak dapat memastikan sama ada terdapat kebenaran dalam alasan Tunku Ismail meletakkan jawatan adalah disebabkan keputusan dalam penentuan perlawanan dan sebagainya.

"Apa yang penting saya rasa FAM perlu mengkaji mengenai kenyataan itu. Jangan kita kata kenyataan Tunku Ismail ini hanya berkisar kepada isu peletakkan jawatan sahaja.

"Tindakan ini (letak jawatan) mungkin ada kesahihan daripada kenyataan tersebut," katanya.

ICYL ruang tingkatkan keusahawanan so

Oleh ROZIANAH RISMAN
penarang@utusan.com.my

INSTITUT Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda (ICYL) dalam usahanya mengembangkan pemahaman mengenai keusahawanan sosial kepada masyarakat terutama golongan belia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IYRES, Dr. Wasitah Mohd. Yusof, persidangan bertemakan Keusahawanan Sosial Menjana Perubahan Komuniti akan berlangsung selama tiga hari bermula 19 Mac ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang turut menyaksikan penyertaan belia dari negara-negara Asean.

"Program ini diadakan buat jalur kalinya bagi membangun bidang keusahawanan yang spesifik ke arah penekanan sosial menerusi penglibatan aktif golongan belia dalam membina perniagaan yang bukan hanya memikirkan keuntungan tetapi meningkatkan kemampuan mereka untuk menaja ekonomi dan pada masa sama memberi impak dan menyumbang kepada komuniti.

"Persidangan ini merupakan sebuah program intelektual yang melibatkan penemuan, kertas kerja yang disampaikan oleh penceramah, ahli akademik dan cendekiawan dari dalam dan luar negara yang memiliki kepakaran tertentu di samping mempunyai pengalaman luas mengenai topik-topik yang telah dirangka khusus mengenai keusahawanan sosial. Pakar ekonomi dari Universiti Yale, Amerika Syarikat iaitu Profesor Dr. Dean Karlan merupakan antara cendekiawan yang dijemput khas untuk membuat pembentangan mengenai peranan sektor korporat menyokong keusahawanan sosial dalam memberi impak yang baik kepada komuniti.

"Menerusi persidangan tersebut, diharapkan akan dapat membantu memberi penjelasan dan membuka minda para belia yang mungkin ada minat dalam bidang keusahawanan tetapi tidak mempunyai hala tuju yang jelas, tidak berusaha mencari dana atau tidak tahu membina pelan perniagaan yang mantap. Persidangan yang dijangka menjadi program atau acara tahunan itu nanti akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya.

Sementara itu, IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang ditubuhkan untuk mengkaji pelbagai aspek mengenai perkembangan dan pembangunan belia dan hubungannya dengan perubahan belia berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Dalam usaha mencapai matlamatnya, IYRES melaksanakan pelbagai program penyelidikan, menganjurkan persidangan, bengkel, seminar, penerbitan di samping berperanan sebagai pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

ICYL yang dianjurkan IYRES merupakan sebuah program yang membawa belia, pemimpin belia dan pelbagai organisas



WASITAH MOHD. YUSOF

si dari pelbagai negara untuk berbincang dan berkongsi pengetahuan tentang bidang khusus berkaitan keusahawanan sosial.

"Bilangan peserta yang disenggarakan terlibat ialah 200 belia tempatan dan 100 belia di peringkat antarabangsa yang terdiri daripada usahawan sosial, ahli korporat dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Antara program menarik yang disediakan sepanjang persidangan tersebut ialah ucapan utama intelektual, sesi plenari, perkongsian tentang kejayaan, sesi konkuren, bengkel, anugerah harapan, dan sesi perkongsian bersama Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGic). Selain itu turut diadakan secara serentak pameran yang menjadi program sampingan kepada persidangan itu.

"Pameran itu akan memaparkan situasi sebenar tentang apa yang berlaku di peringkat akar umbi bukan sahaja dalam kalangan belia yang terlibat di bidang keusahawanan tetapi

pi pihak industri yang boleh menyokong keusahawanan sosial seperti syarikat usahawan sosial, swasta, bank dan badan-badan korporat," katanya.

Menerusi pelaksanaan persidangan ini segala input, maklumat dan cadangan akan dapat dikumpulkan untuk dimatikan dalam kajian yang sedang disempurnakan. Selain itu, ia juga diharapkan dapat memberikan impak yang besar kepada komuniti setelah berkembangnya keusahawanan sosial di negara ini.

Ruang dan peluang yang terdapat dalam program tersebut dijangka memberi satu fenomena baharu ke arah membuka minda para belia supaya lebih berdaya saing di samping menengahkan kepentingan keusahawanan sosial dalam jangka masa panjang, melabuhkan peluang kepada belia dalam keusahawanan sosial bagi mengembangkan rangkain dan mengenal pasti bakat.

Bagi belia yang berminat menyertai ICYL atau ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman web www.icyl.com.my atau berinteraksi menerusi laman sosial facebook ICYL. Segala maklumat dan informasi berhubung persidangan tersebut telah dimuatkan ke dalam portal berkenaan.



PROGRAM ICYL akan membuka minda para belia supaya berdaya saing di samping menengahkan keusahawanan sosial. - GAMBAR HASRAN.

Pameran yang diadakan akan memaparkan situasi sebenar tentang apa yang berlaku di peringkat akar umbi bukan sahaja dalam kalangan belia yang terlibat di dalam keusahawanan industri yang boleh menyokong keusahawanan sosial seperti syarikat usahawan sosial dan badan-badan korporat."

DR. WASITAH MOHD. YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES



INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA



CHANGING COMMUNITIES THROUGH SOCIAL ENTREPRENEURSHIP

REGISTER NOW FOR EXHIBITION

EXHIBITION VILLAGE
4000
UNTIL 28th FEBRUARY 2015

EXHIBITION BOOTH SPACE
50
UNTIL 19th FEBRUARY 2015

EARLY BIRD PROMOTION
RM100
NORMAL PRICE
RM150

INTERNATIONAL SPEAKERS | 300 DELEGATES | 3 DAYS CONFERENCE PACT EXHIBITION | SPECIAL SKILLS WORKSHOP FOR UP-SCALLING

19 - 21 MARCH 2015
PUTRA WORLD TRADE CENTER
KUALA LUMPUR


Contact Us For More Conference & Exhibition Information

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH (IYRES)
LEVEL 10, KBS TOWER, PRSINT 4
NO. 27, PERSARAN PERDANA
43570 W. P. PUTRAJAYA

www.icyl.com.my / www.klptm.gov.my
icyl@iyres.gov.my

+603 8871 3427 / +603 8871 3530 / +603 8871 7223

In Collaboration



In Support



PERSIDANGAN akan memuatkan pelbagai perkongsian pengetahuan tentang keusahawanan sosial.



Segera wujudkan pengadil profesional

Oleh MUHAMMAD DAYNE AZMIN
dayne.ghazali@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Persaingan Liga Malaysia baharu sahaja memasuki tiga perlawanan tetapi suara-suara tidak puas hati terhadap mutu pengadil sudah mula kedengaran di sana-sini.

Yang terbaharu, Presiden Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff melahirkan rasa dukacita dengan kualiti yang dipamerkan oleh kebanyakan pengadil terutama dalam persaingan Liga Perdana.

Baginya, hanya satu sahaja langkah penyelesaian boleh diambil untuk mengurangkan permasalahan itu dalam jangka masa panjang iaitu Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) perlu memperkenalkan pengadil profesional dengan segera di negara ini.

"Mesej saya kepada FAM hanya satu iaitu persaingan Liga Perdana juga memerlukan pengadil berkualiti dan jangan letakkan pengadil yang kurang berpengalaman atau yang masih baharu mengadili mana-mana perlawanan.

"Tindakan itu akan mengundang rasa marah penyokong-penyokong kerana banyak keputusan yang kurang adil berlaku sepanjang perlawanan dan menggalakkan in-



NAZIR ARIFF

UTUSAN MALAYSIA 11 FEBRUARI 2015
siden-insiden keganasan yang tidak sepatutnya.

"Saya sedar FAM ada perancangan mewujudkan pengadil profesional cuma saya harap perkara ini dapat disegerakan, kerana jika masalah ini dibiarkan berterusan, saya bimbang kita akan dengar banyak keputusan kontroversi yang tidak sepatutnya," katanya ketika dihubungi semalam.

Rasa kurang gembira Nazir Ariff itu berpunca daripada perlawanan Pulau Pinang dan PKNS di Stadium Bandaraya Jumaat lalu yang memperlihatkan banyak keputusan boleh dipertikaikan terutama pemberian kad merah kepada pemain tengah Redzuan Suhaidi pada minit ke-82.

Selain itu, terdapat beberapa pertimbangan pengadil yang mencetuskan kemarahan penyokong Pulau Pinang dan sebaik sahaja tamat perlawanan, sekumpulan peminat berkumpul di hadapan pintu stadium kerana mahu melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pengadil berkenaan.

Situasi itu membuatkan FAP berharap Jawatankuasa Pengadil di bawah Goh Ah Chai dapat meneliti semula laporan perlawanan Pulau Pinang dan PKNS dalam aksi yang dimenangi skuad Harimau Kumbang itu 1-0.

Pada musim lalu, Presiden Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ), Tunku Ismail Sultan Ibra-

him pernah mengkritik mutu pengadil, sehingga berkata sanggup untuk membayar gaji pengadil profesional di negara ini sekiranya tugas itu diwujudkan.

Dalam masa sama, Nazir Ariff berpendapat adalah satu pembaziran yang nyata jika persatuan bola sepak negeri atau kelab berbelanja puluhan juta ringgit bagi meningkatkan mutu bola sepak negara tetapi mutu pengadil masih kekal di takuk lama.

"Kita sepatutnya sudah ada pengadil profesional seperti kebanyakan negara lain kerana kebanyakan FA Negeri telah melaburkan puluhan jutaan ringgit membayar gaji pemain profesional di Malaysia, jadi sudah tentu kami juga mahu pengadil yang cemerlang dalam tugasannya serta profesional.

"Keputusan yang berat sebelah atau tidak adil boleh mendorong penyokong-penyokong untuk bertindak ganas serta memburukkan imej sukan Malaysia secara keseluruhan," katanya.

Buat masa ini, Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, telah meletakkan sasaran sekurang-kurangnya 10 hingga 12 pengadil separuh profesional pada tahun 2016 selepas merasmikan majlis penutup Program Pembangunan dan Projek Gemilang Pengadil pada 9 November tahun lalu.

Tengku Abdullah meletakkan sasaran untuk pengadil profesional sepenuhnya mengadili perlawanan pada tahun 2020.